**KENYATAAN MEDIA**
**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**
**DAN**
**MENTERI KEWANGAN II**
**NEGERI SABAH**

**23 NOVEMBER 2021**

---

## A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 526 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 230,023 kes. Sebanyak tujuh (7) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu dua (2) kes di Keningau dan Papar manakala satu (1) kes masing-masing di Beaufort, Kota Kinabalau dan Tawau. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.

2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 479 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 219,102 orang. Manakala 1,624 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 681 orang di hospital, 925 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam dan 18 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 74 orang merangkumi 68 di ICU/repurposed kritikal *care* serta enam (6) di *open ward (HDW/kubikel akut* dan 26 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan *(ventilated)*. Manakala bilangan pesakit *stage* empat (4) dan lima (5) yang masih belum lengkap vaksin ialah 59 (28.69%).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



| DAERAH | POSITIF | KEMATIAN |
|---|---|---|
| KOTA KINABALU | 101 | 1 |
| KOTA MARUDU | 54 | 0 |
| BEAUFORT | 49 | 1 |
| PAPAR | 41 | 2 |
| PENAMPANG | 32 | 0 |
| TELUPID | 25 | 0 |
| KENINGAU | 23 | 2 |
| TUARAN | 19 | 0 |
| RANAU | 19 | 0 |
| KOTA BELUD | 18 | 0 |
| TENOM | 18 | 0 |
| KUDAT | 18 | 0 |
| PUTATAN | 17 | 0 |
| SANDAKAN | 16 | 0 |
| SIPITANG | 16 | 0 |
| TAMBUNAN | 15 | 0 |
| KUALA PENYU | 12 | 0 |
| TONGOD | 10 | 0 |
| PITAS | 6 | 0 |
| KINABATANGAN | 4 | 0 |
| BELURAN | 4 | 0 |
| LAHAD DATU | 4 | 0 |
| TAWAU | 2 | 1 |
| NABAWAN | 2 | 0 |
| SEMPORNA | 1 | 0 |
| KUNAK | 0 | 0 |
| KALABAKAN | 0 | 0 |
| JUMLAH | 526 KES | 07 KES |



Daerah Nabawan berubah dari zon kuning ke zon jingga .

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Kuning dua (2) daerah.
- Zon Jingga dua (2) daerah.
- Zon Merah 23 daerah.

5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah.

**i. Kedududkan Kes Positif COVID-19**

a Banyak daerah di Sabah mencatatkan pertambahan kes baharu yang agak tinggi menyebabkan jumlah kes hari ini melambung tinggi ke 526 kes, tambahan 41 kes berbanding semalam.

b Antara daerah yang mencatatkan pertambahan kes yang ketara ialah Kota Marudu (+27 kes), Beaufort (+33) kes, Papar (+23) kes, Telupid (+22) kes dan Tambunan (+12) kes. Kota Kinabalu turun 60 kes, tetapi kekal penyumbang utama kepada kes harian di Sabah dengan 101 kes. Kes harian di Tuaran juga menurun dengan banyak (-43) kepada 19 kes dan Ranau turun 14 kes kepada 19 kes.

c Kes-kes sporadik (Saringan Bergejala) kekal tinggi pada hampir 41% berbanding 52% bagi kes-kes Kontak Rapat. Statistik ini membimbangkan kerana ia cerminan kepada sikap alpa dan lalai keatas pematuhan SOP oleh sebahagian masyarakat. Mereka yang sudah lengkap divaksin juga merupakan kumpulan terbesar kes-kes jangkitan baharu setiap hari. Sekali lagi diperingatkan, vaksin tidak memberi kita perlindungan 100%. Sikap kita adalah pelengkap kepada pertahanan daripada jangkitan.

d Daripada 526 kes baharu hari ini, 515 kes atau 98% adalah dalam Kategori 1 dan Kategori 2. Tiga (3) pesakit adalah dalam Kategori 3, empat (4) pesakit dalam Kategori 4 dan satu (1) pesakit dalam Kategori 5. Tiga (3) kes lagi masih dalam penilaian JKNS.

e Setakat 22.11.21, kadar kebolehjangkitan atau R0 / RT bagi Malaysia ialah 1.0 tetapi bagi Sabah, kadar ini telah naik melepasi 1.0 kepada 1.01. Kelmarin Ketua Pengarah Kesihatan telah memberi peringatan kepada semua rakyat agar sentiasa berwaspada bagi mengelak berlaku satu lagi pandemik yang serius seperti yang berlaku sebelum ini. Sikap kita penentu utama kepada kejayaan kita melawan jangkitan virus COVID-19.

f Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang tidak statik dengan jumlah catatan sebanyak (273) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah**:**

| **Bil.** | **Kategori Saringan** | **Bilangan Kes** | **Peratusan** |
|---|---|---|---|
| 1 | Kluster | 1 | 0.19% |
| 2 | Bergejala | 215 | 40.87% |
| 3 | Kontak | 273 | 51.90% |
| 4 | Bersasar | 0 | 0.00% |
| 5 | Lain-lain Saringan | 37 | 7.03% |
| **JUMLAH** | | **526** | **100%** |

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (22 November 2021) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah**:**

| **Bil.** | **Daerah** | **Catatan Kes 22/11/2021** | **Catatan Kes 23/11/2021** | **Perbandingan** |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Beaufort | 16 | 49 | +33 |
| 2 | Kota Marudu | 27 | 54 | +27 |
| 3 | Papar | 18 | 41 | +23 |
| 4 | Telupid | 3 | 25 | +22 |
| 5 | Tambunan | 3 | 15 | +12 |
| 6 | Sipitang | 5 | 16 | +11 |
| 7 | Kudat | 9 | 18 | +9 |
| 8 | Sandakan | 7 | 16 | +9 |
| 9 | Tenom | 11 | 18 | +7 |
| 10 | Penampang | 26 | 32 | +6 |
| 11 | Keningau | 17 | 23 | +6 |
| 12 | Pitas | 0 | 6 | +6 |
| 13 | Tongod | 5 | 10 | +5 |
| 14 | Kinabatangan | 1 | 4 | +3 |
| 15 | Kuala Penyu | 11 | 12 | +1 |
| 16 | Nabawan | 1 | 2 | +1 |
| 17 | Beluran | 4 | 4 | Mendatar |
| 18 | Kalabakan | 0 | 0 | Mendatar |
| 19 | Kota Kinabalu | 161 | 101 | -60 |
| 20 | Tuaran | 62 | 19 | -43 |
| 21 | Ranau | 33 | 19 | -14 |
| 22 | Tawau | 12 | 2 | -10 |
| 23 | Kota Belud | 23 | 18 | -5 |
| 24 | Kunak | 4 | 0 | -4 |
| 25 | Lahad Datu | 6 | 4 | -2 |
| 26 | Semporna | 2 | 1 | -1 |
| 27 | Putatan | 18 | 17 | -1 |
| **JUMLAH** | | **485** | **526** | **+41** |

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

| **Daerah** | **Kategori Kes** | | | | | **Bilangan Kes Baharu** | **Kes Terkumpul 14 Hari (09 November – 22 November)** |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | **Saringan Kluster** | **Saringan Kontak** | **Saringan Bergejala** | **Saringan Bersasar** | **Lain-lain Saringan** | | |
| Kota Kinabalu | 0 | 50 | 42 | 0 | 9 | 101 | 1,117 |
| Kota Marudu | 0 | 36 | 15 | 0 | 3 | 54 | 427 |
| Beaufort | 0 | 18 | 28 | 0 | 3 | 49 | 426 |
| Papar | 0 | 32 | 9 | 0 | 0 | 41 | 407 |
| Penampang | 0 | 19 | 10 | 0 | 3 | 32 | 470 |
| Telupid | 0 | 23 | 2 | 0 | 0 | 25 | 83 |
| Keningau | 0 | 8 | 14 | 0 | 1 | 23 | 260 |
| Tuaran | 0 | 13 | 6 | 0 | 0 | 19 | 742 |
| Ranau | 0 | 6 | 12 | 0 | 1 | 19 | 512 |
| Kota Belud | 0 | 6 | 11 | 0 | 1 | 18 | 588 |
| Tenom | 1 | 12 | 4 | 0 | 1 | 18 | 342 |
| Kudat | 0 | 7 | 10 | 0 | 1 | 18 | 200 |
| Putatan | 0 | 4 | 9 | 0 | 4 | 17 | 229 |
| Sandakan | 0 | 9 | 6 | 0 | 1 | 16 | 177 |
| Sipitang | 0 | 2 | 13 | 0 | 1 | 16 | 144 |
| Tambunan | 0 | 6 | 4 | 0 | 5 | 15 | 199 |
| Kuala Penyu | 0 | 10 | 2 | 0 | 0 | 12 | 105 |
| Tongod | 0 | 1 | 8 | 0 | 1 | 10 | 50 |
| Pitas | 0 | 2 | 3 | 0 | 1 | 6 | 96 |
| Lahad Datu | 0 | 0 | 4 | 0 | 0 | 4 | 101 |
| Beluran | 0 | 4 | 0 | 0 | 0 | 4 | 108 |
| Kinabatangan | 0 | 2 | 2 | 0 | 0 | 4 | 162 |
| Tawau | 0 | 1 | 1 | 0 | 0 | 2 | 136 |
| Nabawan | 0 | 1 | 0 | 0 | 1 | 2 | 22 |
| Semporna | 0 | 1 | 0 | 0 | 0 | 1 | 14 |
| Kunak | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 23 |
| Kalabakan | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 10 |
| **JUMLAH** | **1** | **273** | **215** | **0** | **37** | **526** | **7,150** |

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

| Daerah | Nama Kluster | Jumlah Kes Baharu |
|---|---|---|
| Tenom | Kluster Mantailang Atas | 1 |
| **Jumlah** | | **1** |

6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 5,309 unit

- Hospital 1,413 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 3,406 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 462 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 30.59%.

## B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 23 NOVEMBER 2021

i. Tempatan/Import/Tahanan

| Import/Tempatan | |
|---|---|
| Tempatan | 521 |
| Import A (Jangkitan Luar Malaysia) | 0 |
| Import B (Jangkitan Luar Sabah) | 1 |
| Orang Dalam Tahanan /Banduan | 4 |
| **Jumlah** | **526** |

| Import B (Jangkitan Luar Sabah) | |
|---|---|
| Sarawak | 1 |
| **Jumlah** | **1** |

ii. Kewarganegaraan

| Kewarganegaraan | |
|---|---|
| Malaysia | 512 |
| Bukan Malaysia | 14 |
| **Jumlah** | **526** |

iii. Status Vaksinasi

| Status Vaksinasi | |
|---|---|
| Belum Layak Vaksin (Bawah 12) | 106 |
| Belum Menerima Vaksin | 67 |
| Menerima 1 Dos | 3 |
| Lengkap 2 Dos | 350 |
| **Jumlah** | **526** |

iv. Umur

| Umur (Tahun) | |
|---|---|
| <1 | 5 |
| 1 to 5 | 42 |
| 6 to 11 | 59 |
| 12 to 17 | 35 |
| 18 to 25 | 69 |
| 26 to 59 | 258 |
| >60 | 58 |
| **Jumlah** | **526** |

## C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 22 November 2021 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 4,401 orang. Daripada jumlah ini, seramai 3,898 orang adalah penduduk dewasa dan 503 orang adalah penduduk remaja.

2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 22 November 2021 adalah seramai 2,438,029 orang. Ini meliputi 2,104,686 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 76.30% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,385,703 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,080,262 orang atau 75.42% adalah penduduk dewasa.

3 Seramai 333,343 orang atau 76.81% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 305,441 atau 70.38% orang setakat ini.

**D BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)**

Setakat hari ini, sejumlah **677,006** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

**E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS***

1 Sejumlah 11 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 8,417 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, tiada kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 57 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.

2 Tiada kompaun melanggar SOP COVID-19 dikeluarkan di seluruh Sabah.

3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 138 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 38 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan tiada tangkapan dibuat.

4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan

i Sebanyak 940 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Dua (2) notis dikeluarkan iaitu masing-masing satu di Daerah Penampang dan Keningau. Tiada kompaun dikeluarkan pada hari ini.

ii Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah menjalankan pematuhan SOP ke atas 629 premis perniagaan dan 896 individu di 18 kawasan. Satu (1) kompaun dikenakan ke atas individu dengan kesalahan individu gagal mendaftar masuk premis menggunakan aplikasi MySejahtera atau Buku Pendaftaran di Tealive Menggatal. Tiada kompaun dikenakan ke atas premis.

5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 361 Premis Perniagaan melibatkan 180 anggota APM. Sebanyak 13 Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.

6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 144 anggota di 222 lokasi.

7 Tiada perlaksanaan sanitasi awam oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah pada hari ini.

8 Sejumlah 23 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di tiga (3) daerah pada hari ini.

9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 137 hebahan di seluruh Sabah.

**F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 4**

1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 4 pada hari ini ialah **98.3%**Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

| BIL | DAERAH | PERATUS |
|---|---|---|
| 1 | Kunak | 98.4% |
| 2 | Penampang | 98.4% |
| 3 | Kota Kinabalu | 98.4% |
| 4 | Tawau | 98.4% |
| 5 | Sandakan | 98.4% |
| 6 | Beaufort | 98.4% |
| 7 | Tuaran | 98.4% |
| 8 | Ranau | 98.4% |
| 9 | Kota Belud | 98.3% |
| 10 | Lahad Datu | 98.3% |
| 11 | Kinabatangan | 98.2% |
| 12 | Papar | 98.2% |
| 13 | Sipitang | 98.2% |
| 14 | Semporna | 98.1% |
| 15 | Keningau | 98.1% |
| 16 | Beluran | 98.1% |
| 17 | Tenom | 98.1% |
| 18 | Kota Marudu | 98.1% |
| 19 | Kudat | 98.1% |

2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

**Sekian.**

**#SabahMajuJaya**

**#MalaysiaPrihatin**

**#LindungDiriLindungSemua**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**

**DAN**

**MENTERI KEWANGAN II**